



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
OGOS 2026**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
ChM PUAN MARHAYANI
BINTI MD SAAD
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**4 OGOS 2026
DEWAN SYARAHAN
BANGUNAN FORENSIK
9.00 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

Terima kasih saudara/saudari

Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah rabbi 'alamin.

Wassalatu wassalamu 'ala Sayyidina

Muhammadin asyrafil mursalin, wa 'ala

alihi wasahbihi ajma'in.

Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh, Salam Perpaduan dan

Salam Malaysia MADANI.

- **Yang Berusaha ChM Tuan Haji**

Khairul Anuar bin Abdul Aziz

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Ts. ChM Puan**

Hajah Nor Aidora binti Saedon

Timbalan Ketua Pengarah

(Operasi)

- **ChM Puan Hajah Wan Rahimah
binti Wan Ahmad dan ChM En.
Saiful Fazamil bin Mohd Ali**

Pengarah Pusat Latihan Kimia
Malaysia (PLKM) dan Pengarah
Bahagian Pembangunan dan
Teknologi Maklumat (PTM) selaku
penganjur bersama perhimpunan
pada pagi ini.

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**
- **Tuan-tuan dan Puan-puan, seluruh warga KIMIA Malaysia yang saya kasihi sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana

dengan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Ogos 2026 pada pagi yang penuh keberkatan ini.

2. Perhimpunan bulanan ini memberi ruang kepada kita untuk berkumpul, menyelaraskan semula fokus kerja serta memperkukuh semangat kebersamaan sebagai satu pasukan di KIMIA Malaysia.
3. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada PLKM dan PTM selaku urus setia

penganjuran majlis pada pagi ini atas usaha yang telah diberikan bagi memastikan kelancaran program.

4. Komitmen yang ditunjukkan ini mencerminkan budaya kerja yang baik serta semangat kerja berpasukan yang sentiasa menjadi amalan kita di jabatan ini.
5. Terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis perhimpunan pada hari ini.

SALAM TAKZIAH

6. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengajak seluruh warga KIMIA Malaysia untuk sama-sama mengenang Allahyarham Encik Abdul Ghani bin Malik Habib, Pembantu Keselamatan KIMIA Pulau Pinang, yang telah kembali ke rahmatullah baru-baru ini.
7. Bagi pihak seluruh warga KIMIA Malaysia, saya merakamkan salam takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham serta penghargaan atas segala khidmat bakti dan sumbangan yang telah

beliau curahkan sepanjang bersama jabatan.

8. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat, ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman, dan seluruh ahli keluarga beliau terus dikurniakan ketabahan serta kekuatan.
9. Al-fatihah

UCAPAN PENGHARGAAN
ATAS PERSARAAN

10. Dalam kesempatan ini, bagi pihak Jabatan Kimia Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ChM Tuan Haji Muhammad Yazid bin Ibrahim, mantan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), yang telah bersara paksa pada 8 Julai lalu.

11. Segala khidmat bakti, kepimpinan, komitmen dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat di Jabatan Kimia Malaysia amat dihargai dan akan sentiasa dikenang oleh seluruh warga jabatan.
12. Semoga ChM Tuan Haji Muhammad Yazid bin Ibrahim dikurniakan kesihatan yang baik,

ketenangan dan kebahagiaan dalam menjalani kehidupan selepas persaraan bersama keluarga tercinta.

UCAPAN PENGHARGAAN
TKSU(P)

13. Seperti yang semua sedia maklum, Yang Berbahagia Dato' Ruziah binti Shafei, mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, telah bertukar ke Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2026.

14. Dalam kesempatan ini, mewakili seluruh warga KIMIA Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' atas segala sokongan, kerjasama dan kepimpinan yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Timbalan Ketua

Setiausaha (Perancangan dan
Pembudayaan Sains) MOSTI.

15. Segala komitmen dan dedikasi
Yang Berbahagia Dato' dalam
memacu agenda sains, teknologi
dan inovasi negara amat dihargai.
16. Semoga Yang Berbahagia Dato'
terus diberikan kejayaan dan
kecemerlangan di kementerian
baharu.
17. Semoga segala jasa dan bakti
yang dicurahkan akan terus
dikenang dan menjadi inspirasi
kepada kita semua.

UCAPAN PENGHARGAAN
ATAS LAWATAN KSU MOSTI
KE KIMIA SARAWAK

- 18.** Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha MOSTI, atas kesudian beliau mengadakan lawatan rasmi ke KIMIA Sarawak pada 29 Julai yang lalu.

- 19.** Lawatan tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada pihak jabatan untuk berkongsi perkembangan semasa operasi di KIMIA Sarawak, malah turut mencerminkan keprihatinan pihak pengurusan tertinggi MOSTI terhadap kemajuan pelaksanaan projek pembangunan serta keperluan warga kerja di lapangan.
- 20.** Pihak jabatan juga amat menghargai sokongan, perhatian dan pandangan yang telah diberikan oleh beliau sepanjang

lawatan tersebut, yang pastinya menjadi dorongan untuk kita terus mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

LAWATAN KETUA PENGARAH KE NEGERI

21. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah serta seluruh warga KIMIA Terengganu dan KIMIA Sarawak atas sambutan serta kerjasama yang diberikan sepanjang lawatan rasmi saya ke kedua-dua pejabat

tersebut masing-masing pada 6 dan 28 Julai yang lalu.

22. Lawatan ini memberi peluang kepada saya untuk melihat sendiri pelaksanaan fungsi dan peranan jabatan di peringkat negeri, di samping mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai pencapaian, cabaran serta keperluan semasa yang dihadapi oleh warga kerja di lapangan.

23. Saya amat menghargai keterbukaan pihak pengurusan dan warga kerja dalam berkongsi pandangan, pengalaman serta

cadangan penambahbaikan yang
boleh membantu
memperkukuhkan lagi
penyampaian perkhidmatan
jabatan kepada pelanggan dan
pemegang taruh.

UCAPAN TAHNIAH ATAS
KENAIKAN PANGKAT,
PEMANGKUAN, PELANTIKAN
DAN PENEMPATAN

- Warga KIMIA Malaysia sekalian,
24. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi

tahniah kepada YBrs. ChM Tuan Haji Khairul Anuar bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), atas kenaikan pangkat daripada Pegawai Sains Gred Utama C ke Gred Utama B, berkuat kuasa mulai 7 Februari 2026.

25. Seterusnya, tahniah diucapkan kepada:

a. YBrs. Ts. ChM Puan Hajah Nor Aidora binti Saedon atas pelantikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi),

- berkuat kuasa mulai 15 Julai 2026;
- b. YBrs. ChM Tuan Haji Khairul Hadi bin Haji Abd Raof atas pelantikan sebagai Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Kualiti dan Penyelidikan, berkuat kuasa mulai tarikh yang sama;
- c. ChM Puan Nor Azian binti Abu Samah atas pemangkuan ke Gred Utama C dan penempatan sebagai Pengarah Kanan Pusat SEKITARAN; dan

d. YBrs. ChM Dr. Padillah binti Yahya atas pemangkuan ke Gred Utama C dan penempatan sebagai Pengarah KIMIA Johor.

26. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai berikut atas pemangkuan daripada Pegawai Sains Gred C13 ke Gred C14, berkuat kuasa mulai 27 Julai 2026:

a. ChM Nadia binti Tarmizi, ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Narkotik Pemilikan;

- b. YBrs. ChM Dr. Sharmilah a/p Kuppusami, ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Keselamatan Kimia;
 - c. Puan Maryani binti Balemin, ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Analisis Halal; dan
 - d. YBrs. Dr. Hajah Nooratin binti Ishak, ditempatkan sebagai Timbalan Pengarah KIMIA Johor.
27. Untuk makluman, ChM Ayub bin Ismail telah ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Toksikologi, manakala ChM Rusyidah binti

Abdul Rahim ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Narkotik Pengedaran.

28. Semoga kenaikan pangkat, pemangkuan, pelantikan dan penempatan ini menjadi pemangkin untuk YBrs. Dr./Tuan/Puan terus mempertingkatkan kecemerlangan diri, memperkukuh kepimpinan serta menyumbang kepada kecemerlangan jabatan secara keseluruhannya.

UCAPAN TAHNIAH ANUGERAH PINGAT

Warga KIMIA Malaysia sekalian,

29. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Saudara Sudirman bin Taha, Pembantu Khidmat Am di KIMIA Sarawak, atas penganugerahan Pingat Bentara Bintang Sarawak (BBS).
30. Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun

Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, bertempat di Dewan Besar, Astana Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching pada 28 Julai lalu.

31. Syabas dan tahniah diucapkan.

PELAKSANAAN DASAR HARI BEKERJA HIBRID (HBH)

32. Warga KIMIA Malaysia sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa Dasar Hari Bekerja Hibrid (HBH) tidak akan diguna pakai sebagai

kaedah bekerja di KIMIA Malaysia.

33. Ketetapan ini dibuat dengan mengambil kira kedudukan dan tanggungjawab KIMIA Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan perlu (*essential services*), khususnya perkhidmatan analisis saintifik dan forensik yang menyokong penguatkuasaan undang-undang, sistem keadilan, kesihatan dan keselamatan awam serta pemeliharaan alam sekitar.
34. Sebahagian besar tugas kita memerlukan kehadiran fizikal,

pengendalian spesimen dan peralatan makmal, pematuhan terhadap rantai jagaan serta penyampaian keputusan analisis dalam tempoh yang ditetapkan.

35. Sehubungan itu, saya menyeru seluruh warga KIMIA Malaysia agar memberikan komitmen sepenuhnya terhadap kehadiran dan tanggungjawab masing-masing.
36. Kehadiran kita di tempat kerja bukan sekadar memenuhi peraturan, malah memastikan kesinambungan perkhidmatan

jabatan kepada rakyat dan negara sentiasa terpelihara.

37. Marilah kita sama-sama berusaha untuk melaksanakan tugas masing-masing dengan sebaik mungkin supaya perkhidmatan yang kita berikan kepada pelanggan (sama ada pelanggan dalaman mahupun luaran) dapat disampaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan bagi memastikan setiap sen gaji yang kita terima di hujung bulan adalah betul-betul “well deserved” dan hasil yang diberkati.

38. Apabila kita bekerja dengan bersungguh-sungguh dan kita ikhlas dalam melaksanakan tugas, insya Allah rezeki akan bertambah.
39. Rezeki bukan semata-mata dalam bentuk wang ringgit, rezeki boleh datang dalam pelbagai cara; kesihatan juga rezeki, ketenangan jiwa juga rezeki, kelapangan masa juga rezeki, dan macam-macam lagi.

PENUTUP

40. Sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-69 Tahun 2026 kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya warga KIMIA Malaysia.
41. Marilah kita bersama-sama menyemarakkan semangat patriotisme dengan mengibarkan Jalur Gemilang, memperkukuh perpaduan serta memelihara keharmonian negara yang kita cintai ini.

42. Sebagai penjawat awam, marilah kita menghayati erti kemerdekaan melalui pelaksanaan amanah dengan penuh integriti, profesionalisme dan rasa tanggungjawab demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan negara.
43. Saya juga mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga KIMIA yang menyambut ulang tahun kelahiran pada bulan Ogos ini.
44. Semoga dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan jiwa dan

kekuatan untuk terus menyumbang kepada organisasi tercinta ini.

45. Dengan itu, saya sudahi ucapan ini dengan lafaz Wabillahitaufiq walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

46. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----